

Bekalan gula: MSM, Wilmar Sugar jalin kerjasama

Oleh **NURFAHIN HUSSIN**
utusanekonomi@mediamula.com.my

PETALING JAYA: MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) dan Wilmar Sugar Pte Ltd (Wilmar Sugar) bekerjasama dalam penubuhan rantaian bekalan gula mampan.

MSM berkata, program gula mampan yang dilaksanakan menerusi satu perjanjian pada Disember 2021 itu dicetuskan oleh syarikat induk Wilmar Sugar, Wilmar International Limited (Wilmar) yang melancarkan Polisi Gula Tanpa Penebangan Hutan, Tanpa Eksploitasi Manusia (NDPE) pada September 2021.

Jelasnya, itu menunjukkan komitmen oleh MSM dan Wilmar Sugar untuk melindungi alam sekitar, tenaga kerja dan komuniti sambil menggalakkan kemajuan dalam kecekapan



MSM dan Wilmar Sugar komited dalam menyumberan rantaian gula mentah mampan. - GAMBAR HIASAN

operasi dan amalan terbaik.

"Kami akan memulakan usaha untuk membantu dan menyokong satu sama lain dalam merintis pendekatan bagi membolehkan penyumberan gula

mentah yang mampan dalam rantaian bekalan bersama MSM dan Wilmar Sugar dengan memberi tumpuan kepada pelaporan kebolehsesanan bekalan gula dan pemantauan prestasi ke-

mamanan berdasarkan Polisi Gula NDPE," katanya dalam kenyataan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, hasil kerjasama antara pemain terkemuka dalam komoditi gula dan program kemampanan Gula NDPE membolehkan MSM untuk mewujudkan kebolehsesanan gula mentah yang kukuh dan amalan mampan selaras dengan komitmen rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) MSM.

"MSM menyasarkan untuk mendapatkan gula mentah yang mampan bagi pengeluaran pasaran tempatan dahulu.

"Kerjasama dengan Wilmar Sugar ini membawa kami selangkah lebih jauh dalam meningkatkan komitmen ESG dan kehadiran MSM ke pasaran

yang lebih luas di seluruh dunia sebagai penapis gula premium yang mampan dan akan mengukuhkan lagi kedudukan kami sebagai syarikat lapan teratas penapis gula bersepadu di dunia," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Gula Kumpulan Wilmar yang juga Pengarah Urusan Wilmar Sugar Pte Ltd, Jean-Luc Bohbot memberitahu, kerjasama terbaharu ini akan menyediakan kedua-dua syarikat dengan keupayaan untuk menangani permintaan pengguna yang semakin meningkat untuk sumber produk yang mampan.

"Pelancaran program Gula NDPE memenuhi permintaan pelanggan untuk sumber gula yang bertanggungjawab dan memupuk keterangkuman yang lebih baik untuk pekebun kecil tebu," jelasnya.

Media: Utusan Malaysia

Date: 16 February 2022